

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
24 MEI 2024**

PERKARA : 5(B)28

**SOALAN LISAN OLEH AHLI KAWASAN MACHANG BUBUK
YB LEE KHAI LOON**

28. Penemuan hidrokarbon di Lembangan Langkasuka.
- (a) Apakah status terkini berkenaan hasil kaji selidik yang dijalankan oleh Petronas?
 - (b) Apakah usaha Kerajaan Negeri dalam menguruskan pengeksplorasian, pengekstrakan, pengeluaran dan penjualan pasir, bahan batuan dan sumber-sumber mineral seperti hidrokarbon?
 - (c) Terangkan usaha dan strategi Kerajaan Negeri *optimize* penemuan hidrokarbon di Pulau Pinang.

**YB DATO' SERI SUNDARAJOO A/L SOMU
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

28. (a) Pada 15 November 2023, PETRONAS mengumumkan bahawa pihaknya telah menjalankan satu tinjauan seismik 2D multi-klien baharu di kawasan utara Selat Melaka untuk mengeksplorasi dan memetakan potensi hidrokarbon di blok terbuka PM320 dan PM321 Cekungan Langkasuka. Tinjauan ini akan meningkatkan ketersediaan data seismik yang lebih besar dan komprehensif. Tinjauan seismik yang sedang

berlangsung ini bermula pada bulan Oktober 2023 dan dijadualkan akan selesai pada akhir Disember 2023 manakala proses menganalisa data-data dijangka selesai pada Jun 2024. Walau bagaimanapun, sehingga kini sesi perbincangan di antara Kerajaan Negeri bersama pihak PETRONAS belum dapat diadakan atas faktor permohonan dari pihak PETRONAS untuk melengkapkan proses menganalisa data.

- (b) Pejabat Tanah dan Galian (PTG) Negeri Pulau Pinang sedang dalam proses menyediakan Peraturan-Peraturan Mineral bagi Negeri Pulau Pinang. Dalam penyediaan draf Peraturan-Peraturan Mineral bagi Negeri Pulau Pinang ini, PTG akan mengadakan sesi libat urus bersama pelbagai jabatan seperti Jabatan Mineral dan Geosains, Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta, Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian dan juga negeri-negeri yang telah mewujudkan peraturan sama.
- (c) Kerajaan Negeri masih dalam peringkat perbincangan untuk memaksimumkan penemuan hidrokarbon di Pulau Pinang berdasarkan keputusan kaji selidik yang dijalankan oleh pihak PETRONAS kelak. Kaji selidik penemuan hidrokarbon ini

adalah masih di peringkat menganalisa data dan pelbagai faktor perlu diambil kira sebelum sebarang perancangan dan tindakan susulan dapat diambil. Kerajaan Negeri melalui agensi-agensi akan berusaha secara bersepada dalam memastikan projek ini memenuhi kehendak serta hasrat Kerajaan Negeri.